

# PENYEBARAN NILAI-NILAI UNIVERSAL ISLAM DALAM MASYARAKAT

Fatimah binti Ali  
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

## ABSTRAK

*Islam adalah agama sejagat. Rasulullah s.a.w diutuskan kepada seluruh manusia. Oleh itu nilai-nilai Islam merupakan nilai universal yang disenangi oleh semua manusia. Bukan Islam juga turut menyebar nilai-nilai Islam sehingga lahir Dasar Pandang ke Timur yang mengandungi dasar-dasar universal Islam; iaitu bersih, cekap dan amanah dan lain-lain. Ada di kalangan orang Islam tidak menyedari bahawa nilai-nilai tersebut berasal daripada ajaran Islam. Tetapi persepsi dan tanggapan non muslim terhadap nilai-nilai tersebut berbeza dengan pandangan Islam. Oleh itu Umat Islam perlu berhati-hati dalam menerima pandangan orang lain yang mungkin bercanggah dengan ajaran Islam. Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan nilai-nilai tersebut dari perspektif Islam.*

## 1.0 PENDAHULUAN

Islam adalah agama sejagat. Rasulullah s.a.w diutuskan untuk semua manusia bukan untuk bangsa Arab atau bangsa Melayu sahaja. Nilai-nilai Islam merupakan nilai universal yang diperlukan oleh semua manusia. Semua orang menyenangi nilai-nilai Islam. Abdikan diri kepada kuasa yang paling tinggi, paling berkuasa atas segala-galanya untuk masa dahulu, sekarang, akan datang dan sampai bila-bila adalah hasrat semua insan agar dia sentiasa tenang, selamat dan bahagia. Bersih zahir dan batin disukai oleh semua orang. Cekap membuat kerja juga menjadi idaman semua. Amanah dalam melakukan pekerjaan dikehendaki malah diharapkan oleh semua insan. Mengambil makanan seimbang sehingga sihat tubuh badan menjadi keperluan semua. Menambahkan pahala dengan perbanyakkan amalan ma' ruf dan mengurangkan dosa dengan sentiasa bertaubat yang boleh membawa kepada kesejahteraan dan kebahagiaan dunia dan akhirat menjadi idaman semua orang. Ikhlas dalam melakukan pekerjaan menjadikan hidup ini tenang dan aman damai dicita-cita oleh semua insan normal. Menunjuk-nunjuk dan mencari nama adalah perbuatan yang sukar dan terlarang. Ia juga boleh membawa kepada bangkrap dunia dan akhirat. Memilih pemimpin yang jujur, bersih, cekap dan amanah adalah idaman semua rakyat. Semua nilai-nilai itu tersebar dalam masyarakat. Namun ada di kalangan mereka mengambil sebagianya dan menyalahi sebahagian yang lain dengan alasan masing-masing.

## 2.0 TANGGUNGJAWAB ULAMA

Walaupun Nabi Muhammad s.a.w telah lama wafat, zaman sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut baginda telah berlalu, namun baginda meninggalkan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai bekalan kepada ummah seterusnya. Al-Qur'an dihafaz oleh para penghafaz yang ramai sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Allah juga menjamin memelihara al-Qur'an daripada sebarang perubahan seperti yang dijelaskan dalam firmanNya dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا هَنُّ نَرَلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ﴿١﴾

Ertinya: “Sesungguhnya Kamilah Yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah Yang memelihara dan menjaganya”.

Al-Hadith juga telah dibukukan dan dihafaz oleh ramai orang. Individu muslim wajib menyebarkan apa yang mereka tahu mengenai Islam kepada orang ada di sekitar mereka. Para cendikiawan Islam atau ulama lebih-lebih lagi bertanggungjawab menyebarkan nilai-nilai Islam kerana mereka adalah waris para nabi. Kalau ulama tidak sampaikan bererti mereka dianggap tidak menjalan amanah yang diwajibkan ke atas mereka. Orang bukan Islam tidak wajib menukar agama. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيْرِ

Ertinya: Tidak ada paksaan Dalam ugama (Islam), kerana Sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur).

Tetapi mereka berhak untuk mengetahui tentang agama pencipta mereka sendiri agar mereka berpeluang untuk memilih jalan yang boleh menyelamatkan mereka dunia dan akhirat. Kemungkinan ulama akan didakwa oleh orang yang tidak berpeluang mengenali hidayah Allah jika ulama tidak menyebarkannya.

### 3.0 SALAH FAHAM TENTANG NILAI

Terjadi juga salah faham di mana ada orang menganggap bahawa sebahagian daripada nilai-nilai tersebut diambil daripada pihak tertentu seperti Timur atau Barat tanpa menyedari bahawa ia wujud dalam agama anutan mereka sendiri. Banyak nilai-nilai Islam yang tersebar dalam masyarakat. Antaranya ada yang disebarluaskan oleh masyarakat bukan Islam dan dipetik oleh masyarakat Islam. Tetapi mereka tidak sedar bahawa nilai-nilai tersebut ada dalam agama mereka sendiri. Antara nilai-nilai tersebut ialah bersih, cekap dan amanah, kepimpinan melalui tauladan, integriti yang diimplikasikan melalui pemakaian teks nama dan lain-lain. Semua itu disifatkan sebagai “Dasar Pandang ke Timur”. Maksudnya ke Jepun. Ini semua menunjukkan bahawa nilai-nilai tersebut adalah nilai sejagat.

Islam tidak menentang kemajuan atau kebijaksanaan. Umat Islam boleh mengambil ilmu atau kebijaksanaan daripada sahaja. Rasulullah s.a.w ada bersabda:

الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِينَ أَيْنَ وَجَدَهَا أَخْنَدَهَا

Ertinya: Kebijaksanaan itu adalah barang hilang orang mukmin, di mana sahaja dia menjumpai dia boleh mengambilnya.

Walau bagaimanapun umat Islam perlu berhati-hati dalam mencedok ilmu orang lain, dibimbangi terpengaruh dengan tafsiran sekular mereka. Contohnya mengasingkan antara agama dan dunia, antara dunia dan akhirat dan menganggap tidak ada kaitan antara hak Allah dengan hak sesama insan. Ada juga datang dari Barat tidak baik. Contohnya ketelitian mereka dalam memetik fakta daripada orang lain, sehingga tidak dikatakan plagiat.

#### **4.0 DASAR PANDANG KE TIMUR**

Dasar Pandang Ke Timur ini telah diumumkan oleh Y.A.B. Mantan Perdana Menteri Malaysia Dato`Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 8hb. Februari 1982 semasa Persidangan "5th Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA" di Hilton Kuala Lumpur. Dasar ini bermakna, pihak Kerajaan akan membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan teladan yang terbaik daripada negara Jepun dan Korea dengan mengubahsuaikannya dengan keadaan-keadaan di Malaysia.

Rasionalnya ialah negara Jepun dan Korea adalah merupakan dua buah negara yang begitu pesat membangun, di beberapa bidang, mereka adalah lebih maju dari beberapa negara Barat sendiri. Kejayaan kedua-dua negara ini boleh dijadikan contoh dan teladan kepada Malaysia dan seterusnya dipraktikkan bagi mencapai matlamat pembangunan negara dengan meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan sektor awam dan swasta.

Objektif utama Dasar Pandang Ke Timur ini ialah untuk meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini serta mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif untuk meninggikan kemajuan negara.

Perkara-perkara yang harus ditumpukan melalui dasar ini ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri, tekanan daya pengeluaran (productivity) dan mutu yang tinggi (quality), peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja am sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek, dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kepada kemajuan bagi negara kita.

Pada 20 April 2010, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Mohd Najib bin Abdul Razak bercadang mempertimbangkan semula dasar itu dan memperkenalkan bidang yang baru serta berinovasi. Antara bidang yang sesuai ialah teknologi tercanggih, teknologi hijau, teknologi lestari dan bioteknologi. Perdana Menteri Jepun Yukio Hatoyama menekankan kepada kejayaan Universiti Malaysia Jepun.<sup>1</sup>

Sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi negara Jepun memang telah lama melabur di Malaysia dan hubungan terus rapat dari masa ke semasa. Ini terbukti apabila selepas mencapai kemerdekaan Perdana Menteri yang pertama di dunia melawat Malaya adalah perdana menteri Jepun, Nobusuke Kishi. Beliau melawat Malaya pada 24 November

---

<sup>1</sup> <https://ms.wikipedia.org>

1957. Pada waktu itu Jepun adalah sebuah negara yang termaju di Asia dan telah membuktikan kepada dunia bahawa orang Asia boleh lakukan dan berkebolehan melakukannya. Dalam pertemuan itu Tunku telah menyatakan bahawa bidang ekonomi dan kebudayaan boleh dilakukan dalam hubungan bilateral kedua negara. Tunku turut berharap dapat menghantar seberapa ramai pelajar dan pegawai Malaya ke Jepun untuk mendapatkan pengalaman dan mempelajari kejayaan Jepun. Negara Jepun dapat dijadikan contoh kepada Malaya dalam usaha menyusun semula ekonomi dan memajukan bidang perindustrian. Tunku telah mengadakan lawatan rasmi ke Jepun pada 21-27 Mei, 1958 sebagai membalias lawatan, Perdana Menteri Jepun Kishi ke Malaya.<sup>2</sup>

Pertemuan Tunku dengan Kishi di Tokyo pada 26 Mei 1958 telah membawa kepada kenyataan bersama bagi komitmen untuk berkerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan serta juga perjanjian pelaburan dan mengeksport modal pasaran ke Malaya untuk pembangunan ekonomi. Kejayaan ekonomi Jepun sejak tahun 1970an dan 1980an telah dapat menarik perhatian banyak negara di dunia ini yang teruja dengan pencapaian ekonomi negara Jepun yang menakjubkan. Suasana kemelesetan ekonomi dunia tidak menjelaskan ekonomi Jepun dan banyak negara kagum dengan kebolehan Jepun mengatasi keadaan ekonomi yang meleset. Di samping itu, kebanyakan negara kagum dengan kebolehan Jepun yang semakin meningkatkan teknologi dan cara pengurusan yang dilaksanakan adalah yang terbaik sehingga Jepun dapat bersaing dengan negara-negara Maju di Barat.<sup>2</sup>

## 5.0 NILAI-NILAI DALAM DASAR PANDANG KE TIMUR

Antara nilai-nilai yang terkandung dalam Dasar Pandang ke Timur ialah bersih, cekap dan amanah, kepimpinan melalui tauladan, integriti, dan keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri. Semua itu merupakan nilai-nilai yang sedia ada dalam Islam. Malah nilai-nilai tersebut dalam Islam meliputi perspektif yang lebih luas.

(i) Bersih: Bersih yang difahami secara umum termasuk daripada rasuah hingga lahir ungkapan “Rakyat Bersih negara sihat”. Tetapi bersih dalam Islam mempunyai pengertian yang lebih luas lagi. Bersih bukannya daripada najis semata-mata, tetapi juga daripada *hadath* (besar dan kecil), tetapi juga daripada pelbagai jenis maksiat serta dosa. Ia juga mempunyai hubungkait dengan “suci” yang merupakan sebahagian daripada iman. Sesuatu yang nampak tidak semestinya suci.

(ii) Cekap dalam melakukan pekerjaan juga memang dianjurkan oleh Islam. Rasulullah s.a.w ada bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدٌ كُمْ أَنْ يَتَقَبَّلَهُ

Ertinya: *Sesungguhnya Allah suka seseorang melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan itqan (bersungguh-sungguh dengan hasilnya yang berkualiti).*

---

<sup>2</sup>Ibid.

- (iii) Sifat amanah dalam Islam itu menjangkau dan meliputi semua jenis hubungan, baik yang terkait dengan sesama manusia maupun dengan Allah s.w.t. Allah berfirman dalam surah al-Anfal ayat 27:

يَتَأْكُلُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَخُونُوا أَمْبَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

Diri dan tubuh badan kita juga merupakan amanah Allah sebagaimana firmanNya dalam surah al-Nahl ayat 78:

وَاللَّهُ أَحْرَجَكُم مِّنْ بُطُونِ أُمَّهَتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ الْسَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ  
وَالْأَفْئَدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

Ertinya: Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.

Allah berfirman lagi dalam surah al-Nur ayat 24:

يَوْمَ تَشَهُّدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾

Ertinya: Pada hari lidah mereka dan tangan mereka serta kaki mereka menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri, tentang segala yang mereka lakukan.

Allah berfirman dalam surah Fussilat ayat 20-21:

حَقِّي إِذَا مَا جَاءُوهَا شَهِيدٌ عَلَيْهِمْ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَرُهُمْ وَجُلُودُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢٠﴾  
وَقَالُوا لِجُلُودِهِمْ لِمَ شَهِدْتُمْ عَلَيْنَا قَالُوا أَنْطَقَنَا اللَّهُ الَّذِي أَنْطَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ  
مَرَّةٍ وَالَّذِي تُرْجِعُونَ ﴿٢١﴾

Ertinya: Dan (setelah berlaku yang demikian), berkatalah mereka kepada kulit-kulit badan mereka: "Mengapa kamu menjadi saksi terhadap kami?" kulit-kulit badan mereka menjawab: "Allah yang berkuasa menjadikan tiap-tiap sesuatu pandai berkata-kata - telah menjadikan

*Kami dapat berkata-kata; dan Dialah yang menciptakan kamu pada mulanya, dan kepadaNyalah kamu dikembalikan (untuk menerima balasan).*

Allah berfirman:

**الْيَوْمَ خَتَمْ عَلَىٰ أَفْوَهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشَهِّدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ**

Ertinya: Pada waktu itu kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan. (Yasin: 65)

Tubuh badan kita akan menjadi saksi bagi pihak Allah, bukan bagi pihak kita walaupun di dunia ini semuanya bekerjasama dengan kita. Terdapat hadith mengenai orang yang mengabaikan amanah dianggap sebagai munafik iaitusabda Nabi s.a.w:

آيات المنافقين ثلاثة: إذا حدث كذب، وإذا وعد أخلف، وإذا أؤفمن خان

Ertinya: *Tanda munafik itu 3 perkara: Apabila bercakap, bohong, apabila berjanji, mungkir dan apabila diamanahkan dia mengkhianatinya.*

Allah ada menyatakan dimana orang munafik ditempatkan dalam surah al-Nisa' ayat 145

إِنَّ الْمُتَنَفِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ وَلَنْ يَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا

Ertinya: Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terkebawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka. dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun Yang boleh menolong mereka.

Ketika berbincang mengenai menjadi munafik dengan bercakap bohong, mungkir janji dan mengkhianati amanah biasanya difokuskan kepada hubungan antara sesama insan sahaja, pada hal hubungan insan dengan Allah juga terlibat.

Contohnya kita menerima amanah Allah dalam bentuk tubuh badan dan harta benda yang Allah kurniakan agar kita bersyukur, maksudnya mengurusnya dengan baik sebagaimana yang diarahkan. Kita juga menerima amanah tersebut dan sentiasa berikrar dalam doa iftitah. Sepatutnya kita tunaikan.

Ada orang berpendapat, kalau dosa dengan Allah lebih senang diselesaikan kerana Allah Maha Pengampun. Tetapi perlu diingat bahawa dosa dengan Allah tidak dapat ditutup sebab Allah Maha mengetahui zahir dan batin. Tiada sesuatu yang terlindung daripada pengetahuan Allah.

Kita berkewajipan menjaga kesihatan diri dengan baik, jika tidak diri akan jatuh sakit. Jika diri sakit, maka urusan lain terbengkalai. Mengabaikan diri bererti mengabaikan amanah Allah dan tidak bersyukur Allah berfirman (al-Nisa' 58):

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْوَالَ إِلَيْ أَهْلِهَا﴾

Sebagai seorang manusia kita sering menerima amanah, baik dari Rasulullah, ibu bapa, dari guru-guru, teman dan lain-lainnya. Sebagai kaki tangan akademik, kita menanggung amanah menyebarkan ilmu dan mendidik murid-murid di samping amanah lain terhadap ibu bapa dan ahli keluarga. Semua amanah itu wajib ditunaikan.

(iv) Kepimpinan melalui tauladan juga memang nilai yang tidak asing lagi bagi Islam. Rasulullah s.a.w diutuskan untuk menjadi contoh kepada umatnya. Perkara tersebut dijelaskan oleh Allah s.w dalam firmanya dalam surah al-Ahzab 21 yang bermaksud:

*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).*

Ini kerana Rasulullah s.a.w diutuskan untuk membentuk manusia yang berakhlik mulia. Baginda bersabda (إنما بعثت لاتمم مكارم الأخلاق). Ertinya: Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia).

Hadith tersebut menjelaskan bahawa Nabi s.a.w dibangkitkan bertujuan untuk membentuk manusia dengan akhlak yang mulia. Akhlak yang mulia ialah hubungan yang betul antara manusia dengan Allah, hubungan yang betul antara manusia dengan sesama manusia dan hubungan yang betul antara manusia dengan makhluk lain yang semuanya mengikut panduannya yang telah ditetapkan.<sup>3</sup>

Islam telah meletakkan akhlak pada tempat yang sangat penting yang menjadi komponen utama Islam. Islam terdiri daripada tiga komponen iaitu akidah, syariah dan akhlak. Islam sendiri ditakrif sebagai *husn al-khuluq* (akhlik yang baik).

(v) Integriti juga merupakan salah satu nilai yang disebarluaskan dalam Dasar Pandang ke Timur. Integriti atau kejujuran dalam Islam lebih dalam daripada yang difahami dalam masyarakat; iaitu yang diistilahkan sebagai *ihsan*. Rasulullah s.a.w ada bersabda:

إِلَّا حِسَانٌ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَكُ

Ertinya: *Ihsan ialah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya, sekiranya kamu tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu.*

<sup>3</sup> Ab Aziz bin Mohd Zin (2016), *Dakwah Dalam Pembangunan Ummah*, Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, h. 135-136.

Sheikh Salleh al-Uthaimeen seorang ulama besar dari Arab Saudi berkata:<sup>4</sup> Maksud “Kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatnya” ialah beribadat kepada Allah tidak tercapai melainkan dengan ada dua perkara; pertama, dengan ikhlas kepada Allah jua dan keduanya dengan mengikut dan mencontohi cara yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w (tidak boleh direka-reka atau ditokok tambah sesuka hati).

Manakala maksud “Sekiranya kamu tidak dapat melihat Allah maka Allah tetap melihat kamu” ialah seseorang muslim hendaklah beribadat kepada Allah dalam keadaan takut (khauf) kepadanya dan kepada azabnya kerana dia sentiasa diperhatikan. Ini kerana apabila dia tahu yang Allah memang sentiasa melihatnya. Dengan itu diharap dia tetap menunai apa-apa ibadat dengan baik dan tidak akan meninggalkannya sama sekali.

(vi) Keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri. Islam memang mengarahkan umatnya bersatu padu, tolong menolong dan hormat menghormati antara satu sama lain. Allah berfirman dalam surah Ali ‘Imran ayat 103:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Ertinya: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai.*

Umat Islam juga dikehendaki tolong menolong dalam melakukan kebaikan dan taqwa

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوَّىٰ

Ertinya: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwah, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. (al-Ma’idah: 2)*

Allah juga berfirman dalam surah Ali ‘Imran ayat 112:

ضَرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْذِلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقُفُوا إِلَّا بِحَبْلِ مِنَ اللَّهِ وَحَبْلِ مِنَ النَّاسِ وَبَاءُوا بِعَذَابٍ مِنْ أَنَّهُمْ وَضَرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِغَايَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١٢﴾

Ertinya: *Mereka ditimpakan kehinaan (dari Segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepertutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintahNya), dan mereka membunuh nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah).*

<sup>4</sup> Dr. Zakaria@Mahmod bin Daud (2013) “Islam, Iman dan Ihsan” dalam *Islam dan Isu Kontemporari*, penerbit PKPII, KIAS, Kota Bharu, h. 23.

Ayat tersebut antara lain menjelaskan bahawa keselamatan manusia dari tertimpa kehinaan dijamin oleh hubungan yang baik dengan Allah dan hubungan yang baik dengan sesama insan. Hubungan manusia dengan Allah bermaksud hubungan perhambaan diri dan taat setia. Manakala hubungan dengan sesama insan pula ialah hubungan kasih sayang dan bantu membantu.

Allah juga berfirman:

وَالَّذِينَ جَاءُوْ مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُوْنَ رَبَّنَا أَغْفِرْ لَنَا وَلَا حَوَّنَا الَّذِينَ سَبَقُوْنَا بِالإِيمَانِ وَلَا  
تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غَلَّا لِلَّذِينَ إِمَّا نَوْفَرْ رَحْمَمْ  
◎

Ertinya: *Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkaujadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan rahmatMu".* (al-Hasyr 10)

Ayat di atas antara lain menjelaskan bahawa masyarakat Islam yang sebenar ialah yang didirikan atas rasa saling berkasih sayang, saling beramah mesra dan saling tolong menolong serta pandai mengambil hati antara satu sama lain. Tidak ada tempat bagi fahaman yang mementingkan kepentingan peribadi (individualistik).

## 6.0 KESIMPULAN

Nilai-nilai universal yang ada dalam Dasar Pandang ke Timur adalah sebahagian daripada nilai-nilai yang mempunyai makna yang berbeza dengan pandangan non muslim terhadap nilai-nilai tersebut. Oleh itu umat Islam harus memahami nilai-nilai tersebut berdasarkan perspektif Islam. Penyebaran non muslim terhadap nilai-nilai tersebut membuktikan bahawa bukan Islam mengiktiraf bahawa Islam adalah agama yang sesuai dengan fitrah manusia.

## RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Al-Hadith

Muhammad al-Ghazali, terj. Ismail bin Mohd Hassan, *Akhlaq Muslim*, Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu, 1998.

Ab Aziz bin Mohd Zin, *Dakwah Dalam Pembangunan Ummah*, Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 2016.

Dr. Zakaria@Mahmod bin Daud "Islam, Iman dan Ihsan" dalam *Islam dan Isu Kontemporari*, penerbit PKPII, KIAS, Kota Bharu, 2013.

Dr. Muhammad Abdullah Darraz, *Dustur al-Akhlaq fi al-Qur'an*, Mu'assasah al-Risalah, Qahirah, t.t.